

Headline	JMFR 2016 tarik minat 1,450 peserta		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 May 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Nasional	Page No	3
ArticleSize	656 cm <sup>2</sup>	Journalist	NOOR'AINON
PR Value	RM 33,570		



# JMFR 2016 tarik minat 1,450 peserta

■ NOOR'AINON MOHAMED YUSOFD

**MANJUNG** – Janamanjung Fellowship Ride 2016 (JMFR) berjaya menarik minat seramai 1,450 peserta dari dalam dan luar negara seperti Jepun, United Kingdom dan Australia untuk berkayuh sejauh 130 kilometer merentasi Daerah Manjung dan Perak Tengah, 24 April lalu.

JMFR berjaya memperkenalkan kedua-dua daerah berkenaan sebagai destinasi pelancongan dengan merentasi Ayer Tawar, Bota Kanan, Parit, Beruas dan kembali ke Seri Manjung dan berakhir di Dataran Janamanjung.

Peserta dilepaskan oleh Naib Presiden (Penjanaan) TNB, Datuk Zainudin Ibrahim bersama adun Pasir Panjang, Datuk Rashidi Ibrahim; Adun Pengkalan Baharu, Datuk Abdul Manaf Hashim, Pengurus Besar TNB Perak, Datuk Mohd Zahir Md Nagor dan Pengarah Urusan TNB Janamanjung, Datuk Shamsul Ahmad.

Menurut Shamsul, JMFR secara simboliknya memberitahu masyarakat bahawa teknologi pembakaran arang batu yang

digunakan untuk menjana tenaga elektrik adalah teknologi yang selamat dan mesra alam.

“Ia selari dengan slogan ‘Technology In Harmony With Nature’ yang didukung oleh TNB Janamanjung,” katanya.

TNB Janamanjung turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM3,000 masing-masing kepada Masjid Raudhatul Mardhiah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Muhammad Shah di Parit dan Sekolah Kebangsaan Beruas dan Sekolah Kebangsaan Kampung Kota di Beruas.

Ia merupakan sebahagian aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) TNB Janamanjung kepada masyarakat untuk memperkasakan pendidikan, masyarakat dan persekitaran.

Sementara itu, peserta muda, Muhammad Hazim Zainal Anuar, 13, berkata, JMFR 2016 memberi pengalaman baharu kepadanya yang pertama kali menyertai kayuhan di Perak bersama pasukannya, Denai United Cycling Team dari Shah

Alam.

“Sebelum ini, saya banyak menyertai acara berbasikal di sekitar Kuala Lumpur dan kayuhan kali ini agak santai kerana cuaca tidak panas serta dalam suasana kampung yang damai. Ia memberi galakan untuk terus menyertai kayuhan selepas ini,” katanya.

Amir Sahak, 56, dari pasukan Happy Ride Kulim pula menyifatkan JMFR sebagai satu latihan mengayuh basikal

beramai-ramai bersama peserta lain dari pelbagai latar belakang.

“Alhamdulillah, semua berjalan lancar tanpa sebarang kecederaan dan penyertaan dari pelbagai negeri dapat melebarkan lagi perkongsian antara kami mengenai basikal dan aktiviti berbasikal,” katanya.

Dalam sesi cabutan bertuah, Abdul Malik Ramlan, 27, yang bekerja di TNB Bangsar membawa pulang hadiah utama berupa basikal bernilai RM4,000.

Headline	JMFR 2016 tarik minat 1,450 peserta		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 May 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Nasional	Page No	3
ArticleSize	656 cm <sup>2</sup>	Journalist	NOOR'AINON
PR Value	RM 33,570		



Seramai 1,450 peserta bersedia memulakan kayuhan JMFR 2016 seawal 6.30 pagi, 24 April lalu.



Peserta daripada pelbagai latar belakang meneruskan kayuhan dengan penuh semangat kesukanan.



ADUN Belanja, Datuk Mohd Nizar Zakaria (tiga dari kiri) menyerahkan sumbangan TNB Janamanjung kepada wakil Masjid Raudhatul Mardhiah dan SMK Sultan Muhammad Shah.

Headline	JMFR 2016 tarik minat 1,450 peserta		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 May 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Nasional	Page No	3
ArticleSize	656 cm <sup>2</sup>	Journalist	NOOR'AINON
PR Value	RM 33,570		



AMIR



MUHAMMAD HAZIM



Sumbangan TNB Janamanjung disampaikan oleh ADUN Pengkalan Baharu, Datuk Abdul Manaf Hashim (tiga dari kiri) kepada wakil SK Beruas dan SK Kampung Kota.

Abdul Malik dari TNB (Bangsar) menerima hadiah utama cabutan bertuah berupa sebuah basikal berharga RM4,000.